அமைச்சருக்கு எதிராக தாஜுடின் பல குற்றச்சாட்டுகளை கூறியுள்ளார். இவை அனைத்தும் ஆதாரமற்றவை என எனக்குத் தெரிய வருகிறது. அவரை இருக்கையில் அமரும்படி மூன்று முறை நான் கேட்டுக் கொண்டேன். ஆனால் அவர் செவிசாய்க்கவில்லை. ஆகவே, அவர் கூட்டத்தில் கலந்து கொள்வதற்கு இரண்டு நாள் தடைவிதித்தேன். ஆனால் பாசிர் சாலாக் உறுப்பினர் எனது உத்தரவிற்கு செவிசாய்க்காமல் தொடர்ந்து பேசிக் கொண்டே இருந்தார். இதன் காரணமாக அவருக்கு கூடுதலாக இரண்டு நாட்கள் தடை விதித்தேன் என்று ஙா கூறினார். அவையின் தோற்றத்தையும் கண்ணியத்தையும் பாதுகாப்பதற்காக இந்த நடவடிக்கை எடுக்கப்பட்டிருக்கிறது என்று அவர் விவரித்தார்.

உத்தரவுகளுக்கு கீழ்படியும்படி ஐந்து முறை கேட்டுக் கொள்ளப்பட்ட போதிலும் தாஜுடின் தொடர்ந்து பிடிவாதமாக இருந்ததாக அவர் மேலும் கூறினார். தமது நடத்தையில் என்ன அநாகரீகம் கண்டு விட்டீர்கள் என தாஜுடின் வினவினார்.

துணைசபாநாயகரின் ஆதரவும் தமக்கு தேவையில்லை என்று அவர் மேலும் கூறினார்.

பின்னர், உத்தரவை மறுபரிசீலனை செய்யும்படி ஙாவை எதிர்க்கட்சி தலைவர் டத்தோஸ்ரீ இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் வலியுறுத்தினார்.

இதற்கு, பதிலளித்த ஙா, தமது முடிவு இறுதியானது என்று தெரிவித்தார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tajuddin `a horrible example` | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 04 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 8 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 164 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 457 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,372 |





Nga

# Tajuddin 'a horrible example'

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman's name will enter the history books as a horrible example of a lawmaker, says Deputy Speaker Nga Kor Ming after he suspended the Pasir Salak MP for four days.

Without mincing his words, Nga described Tajuddin's behaviour as rude and unruly during the minister question-and-answer time.

"The people of Pasir Salak should reconsider voting for such a lawmaker, if we want to be a world-class Parliament.

"MPs should practise mature politics.

"Because of that, Pasir Salak will go down in history. His name will not be a good example, but a horrible example," Nga said to reporters at the Parliament lobby yesterday.

Nga said his decision to suspend Tajuddin was final, citing Standing Order 43 and 44.

"The Speaker's decision is clear. When the Speaker asked him to exit, he should immediately leave."

Nga said he was forced to increase the punishment to four days instead of two because of the Pasir Salak MP's unbecoming behaviour.

"He accused the Speaker of being stupid and arrogant.

"I think no one will be able to tolerate such an attitude. He came here not to carry out his duties as an elected representative, but to cause trouble.

"That is why, I'm forced to increase his punishment from two days to four days. He will not be able to enter the Dewan Rakyat until next Tuesday.

"This is a reminder to all members of the House to carry out their duties with integrity and ethics.

"We can argue but it must be done ethically, not impolitely," he added.

Earlier yesterday, Parliament descended into a shouting match after Tajuddin was booted out for repeatedly interjecting during the question-and-answer time by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI | 37 |

# JPS, Jabatan Perikanan diminta siasat punca Kuala Sungai Pinang cetek



Saliran semakin cetek didakwa berpunca daripada pembuangan sisa dari kolam ternakan udang di Kuala Sungai Pinang.

**GEORGETOWN** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan Pulau Pinang digesa menyiasat masalah saliran cetek di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau di sini.

Pemangku Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, siasatan mendapati masalah itu berpunca daripada sisa buangan kolam ternakan udang ke kawasan berkenaan.

Menurutnya, masalah berlarutan sejak lebih 10 tahun yang lalu itu dibimbangkan boleh mencemarkan alam sekitar, kawasan perikanan dan menyebabkan banjir kilat jika tidak ditangani segera.

"Tinjauan CAP mendapati sisa buangan dari kolam ternakan udang itu mengalir ke laut.

"Kita bimbang sisa buangan itu mengandungi bahan beracun," katanya dalam satu kenyataan semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Selangor curi ikan Perak guna tonto elak dicekup | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 04 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 28 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 287 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,457 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,372 |



# Selangor curi ikan Perak guna tonto elak dicekup

**Sitiawan:** Bukan saja menangkap ikan di perairan negeri ini, sebuah bot pukat tunda tempatan yang berpangkalan di Selangor turut melanggar zon tangkapan ikan di kedudukan tujuh kilometer dari Tanjung Hantu, Segari, semalam.

Dalam kejadian jam 5 pagi itu, tindakan bot pukat tunda itu terbongkar selepas dikesan dan ditahan anggota penguat kuasa Jabatan Perikanan Malaysia.

Malah, bot itu dipercayai menggunakan tonto bagi memerhati pergerakan anggota penguat kuasa untuk memudahkan mereka melarikan diri.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yobe berkata, bot berpangkalan di Bagan Nakhoda Omar, Selangor, itu ditahan melalui maklumat sistem pengesanan automatik (AIS).

Menurutnya, turut ditahan seorang tekong dan tiga awak-awak warga tempatan berusia antara 27 hingga 60 tahun. Ketika ditahan mereka baru dua jam menangkap ikan.

"Bot berkenaan didapati melanggar zon tangkapan ikan dan sepatutnya mereka perlu beroperasi di kedudukan 15 kilometer ke atas untuk menangkap ikan.

"Mereka menceroboh kawasan tangkapan ikan nelayan tradisional dan kegiatan itu boleh merosakkan sumber ikan terutama anak ikan.

"Selain itu, bot itu sepatutnya tidak boleh menangkap ikan di perairan Perak kerana dilesenkan dan berpangkalan di Selangor," katanya ketika ditemui di Jeti Perikanan Kampung Acheh, semalam.

Mansor berkata, pihaknya merampas dua papan tunda, dua gulung tali tunda, dua pukat tunda, radio Sistem Pengesanan Global (GPS) dan 100 kilogram pelbagai ikan selain menyita bot itu dengan anggaran rampasan keseluruhan RM500,000.

"Kami menjalankan pemantauan sejak seminggu lalu dan dipercayai ada tonto memerhati. Ada pembocoran maklumat dan menyukarkan pergerakan operasi.

"Kami menahan bot itu bersama empat kru diiringi ke Jeti Perikanan Kampung Acheh untuk tindakan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985," katanya.



*MANSOR menunjukkan bubu naga yang dirampas.*

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/7/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 20 |

# 75 nelayan Vietnam curi hasil laut negara ditangkap

**KUALA LUMPUR** - Seramai 75 nelayan warga Vietnam ditahan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Ops Gelora Khas yang diadakan pada 18 hingga 30 Jun lalu.

Operasi selama 13 hari itu diadakan di kawasan perairan Kelantan, Pahang dan Terengganu dengan rampasan termasuk membabitkan lapan buah bot nelayan asing dan sebuah bot nelayan tempatan dianggarkan berjumlah RM5.7 juta.

Pengarah JKDNKA, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, operasi ini dilakukan bagi membanteras kegiatan nelayan asing terutamanya warga Vietnam yang menjalankan kegiatan menangkap ikan tanpa kebenaran di perairan Pantai Timur.

"Sepanjang operasi ini, sebanyak lapan bot nelayan asing warga Vietnam dan sebuah bot yang didaftarkan atas lesen nelayan tempatan berjaya dikesan.

"Susulan itu, kita telah bertindak menahan seramai 75 warga Vietnam," katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman, di sini, semalam.

Malah difahamkan, semasa serbuan, ada bot nelayan Vietnam dibakar oleh mereka sendiri untuk menghapuskan bukti.

Acryl Sani berkata, kesemua tahanan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Perikanan untuk tindakan selanjutnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 2 |

Mohd Azam Shah Yaacob
am@hmetro.com.my

# Bakar bot hapus bukti

■ *Polis tahan 75 nelayan asing ceroboh perairan negara, rampas hasil bernilai RM5.7 juta*



**Kuala Lumpur**

Seramai 75 nelayan warga asing yang menceroboh perairan negara ditahan dalam Op Gelora Khas Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Polis Diraja Malaysia (PDRM), baru-baru ini.

Mereka ditahan dalam operasi pada 18 hingga 30 Jun lalu di kawasan di perairan pantai timur Semenanjung.

Pengarah JKDNKA Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, dalam operasi itu pihaknya turut merampas lapan bot nelayan asing dan sebuah bot nelayan tempatan dianggarkan bernilai RM5.7 juta.

Katanya, operasi itu turut disertai agensi di bawah JKDNKA seperti Pasukan Polis Marin (PPM), Unit Gempur Marin (UNGGERIN), Pasukan Gerakan Udara (PGU), Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara dan 69 Komando selain Jabatan Perikanan Malaysia.

"Op Gelora Khas itu dibuat bagi membanteras dan menahan nelayan asing terutama warga Vietnam yang menjalankan kegiatan menangkap ikan tanpa kebenaran di perairan pantai timur.

"Sepanjang operasi, lapan bot nelayan asing warga Vietnam dan sebuah bot didaftarkan atas lesen nelayan tempatan berjaya dipintas dan 75 nelayan asing ditahan," katanya dalam sidang media JKDNKA di Bukit Aman di sini, semalam.

Beliau berkata, sebuah bot nelayan Vietnam gagal dibawa balik ke pangkalan sebaik ditahan berikutan dibakar oleh kru bagi menghapuskan bukti.

Katanya, semua tahanan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk tindakan selanjutnya mengikut Akta 317 Akta Perikanan Malaysia 1985.

**FAKTA**
JKDNKA rampas lapan bot nelayan asing dan sebuah bot nelayan tempatan





ANTARA nelayan asing yang ditahan dalam Op Gelora Khas JKDNKA PDRM di Perairan Pantai Timur.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI | 37 |

# Jambu air dari Thailand dirampas

**BUKIT KAYU HITAM** - Sebuah lori membawa muatan buah-buahan dari Thailand ditahan kerana cuba menyeludup 1,780 kilogram jambu air bernilai RM8,900 ke negara ini kelmarin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah, Lily Rosalind berkata, pemandu lori terbabit gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah daripada Maqis seperti permit import dan Sijil Fitosanitasi dari negara asal.

Menurutnya, jambu air yang dibawa oleh lori terbabit dirampas manakala syarikat pengimport terbabit bakal dikenakan kompaun.

"Mengikut Peraturan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728), semua orang yang membawa barangan bawah kawalan Akta Maqis memerlukan permit daripada Maqis," katanya dalam satu kenyataan semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

# Pasar raya besar digital peladang dibina di Johor

**MARANG 3 Julai** - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan membina sebuah pasar raya besar digital untuk membantu ahlinya memasarkan kesemua produk di pasaran domestik dan luar negara seperti Eropah, Arab Saudi dan ASEAN.



Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman (**gambar**) berkata, bagi tujuan itu pihaknya telah mengenal pasti tapak milik Pertubuhan Peladang kawasan (PPK) seluas 1.2 hektar di Johor dan upacara pecah tanah dijangka dilaksana awal tahun depan dengan projek pembinaan mengambil masa 18 bulan untuk siap.

"Apabila siap kelak, bangunan ini bukan saja bakal menjadi mercu tanda baharu LPP, lebih penting ia mampu membantu ahli-ahli peladang memasarkan produk masing-masing.

"Konsep *hypermarket* digital peladang ini seperti Lazada, barulah kita dapat lihat produk kita akan berada di persada dunia seperti Jepun, Indonesia, Arab Saudi dan negara-negara rantau Eropah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-37 PPK Marang di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Marang di sini hari ini.

Menurut Mazlan, dalam mereformasikan sektor pertanian negara, beliau mengajak ahli-ahli pertubuhan itu agar sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti dengan menjadikan bidang tersebut sebagai penyumbang ekonomi terpenting.

"Kita perlu ubah pesepsi lama, paling penting semua pihak perlu memiliki pemikiran perniagaan bagi memajukan peladang kita," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | KOSMO | K2 | 19 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | KOSMO | K2 | 20 |






NURUL FATIHAH (dua dari kanan) menyerahkan sijil pengiktirafan *Malaysia Book of Records* kepada Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman (dua dari kiri) sambil diperhatikan Rizwandy (kiri).



SEBAHAGIAN daripada 130 hidangan asam pedas yang disediakan para peserta.

# Pecah rekod masak 130 versi asam pedas

**Nama sajian popular asam pedas terpahat dalam *Malaysia Book of Records* baru-baru ini apabila Kelab Chef Melaka dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berjaya cipta rekod memasak sajian terbanyak dalam satu acara dengan penyediaan 130 hidangan berupa aneka asam pedas.**

## INFO Asam Pedas

- Asam pedas ialah sejenis masakan Melayu yang terkenal terutamanya di Melaka dan Johor
- Mempunyai pelbagai versi mengikut negeri dan setiap daripadanya berbeza
- Kebiasaannya bahan-bahan yang ada untuk memasaknya ialah ikan, cili kering, bawang merah, bawang putih, belacan, halia, lengkuas, kunyit hidup, serai, asam jawa, asam gelugur atau daun limau purut
- Ada sesetengah kawasan menggunakan bahan ayam dan daging menggantikan ikan
- Cara untuk membuatnya ialah dengan cili kering, bawang merah, bawang putih, halia dan belacan dikisar. Serai dan lengkuas kemudian diketuk dan bunga kantan dibelah empat. Tumiskan bahan-bahan yang telah dikisar bersama lengkuas ke dalam periuk sehingga naik baunya dan garing. Jangan pula hangus. Selepas itu masukkan air asam jawa mengikut banyak atau sedikit sukatan masakan. Ikan yang telah dibersihkan dimasukkan. Akhir sekali masukkan serai, daun kesum, bunga kantan, asam gelugur atau asam jawa serta daun limau purut
- Perbezaan antara asam pedas di utara dan selatan Semenanjung ialah dari segi penggunaan asam. Asam jawa yang pekat lebih biasa digunakan di selatan dan asam gelugur atau asam keping lebih lazim di utara tanah air

SEJAK kecil, **Nur Azsikin Khamis**, 35, dan empat adik-beradik perempuannya sudah mula membantu ibu di dapur bagi menyediakan juadah untuk hidangan seisi keluarga.

Anak jati Melaka itu sentiasa mempunyai sifat ingin tahu akan setiap menu yang dimasak ibunya. Setiap kali membantu di dapur, dia akan kerap bertanya mengenai resipi lauk yang disediakan.

Daripada sajian yang pernah dimasak oleh ibunya, Nur Azsikin memberitahu, dia sangat sukakan juadah asam pedas Melaka air tangan ibunya yang sehingga kini masih menjadi kegemarannya.

"Asam pedas Melaka buatan ibu merupakan resipi turun-temurun dan menjadi antara menu wajib setiap kali menjamu selera bersama keluarga. Saya sendiri tidak pernah jemu menikmatinya hampir setiap hari. Ia boleh menggunakan apa jua bahan utama seperti ikan, ayam atau daging.

"Asam pedas Melaka dipanggil masak lada oleh orang Melaka. Ia berbeza dengan sajian asam pedas lain disebabkan bahan-bahan yang digunakan dan cara memasaknya juga sedikit berlainan," katanya kepada *K2* dalam satu acara mencipta rekod kebangsaan sajian terbanyak di KIPMall Melaka baru-baru ini.



LEBIH 130 peserta yang terdiri daripada cef profesional, pelajar dan orang ramai menyertai Q'Fish Asam Pedas Challenge di KIPMall Melaka baru-baru ini.



NUR AZSIKIN

Ibu kepada dua cahaya mata itu berpengalaman menyediakan sendiri asam pedas sejak usia 14 tahun.

Meraikan asam pedas sebagai hidangan popular di negara ini terutama di selatan tanah air, Kelab Chef Melaka dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menganjurkan cabaran yang dinamakan Q'Fish Asam Pedas Challenge untuk melakar rekod dalam *Malaysia Book of Records* bagi kategori memasak hidangan terbanyak dalam satu program.

Pihak penganjur menerusi penyertaan ratusan peserta berjaya mencipta rekod baharu dengan menyediakan 130 hidangan variasi asam pedas. Ia disertai oleh cef profesional, pelajar kulinari dan orang ramai.

### Rekod terdahulu

Rekod itu disahkan Pegawai Analisis Penyelidik dari *Malaysia Book of Records*, Nurul Fatihah Mahmood sekali gus memecahkan rekod hidangan terbanyak dalam satu acara di Mantin, Negeri Sembilan sebelum ini iaitu 88 hidangan kari kepala ikan pada 27 Januari lalu.

Asam pedas merupakan sajian Melayu yang popular terutama di selatan Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Melaka dan Johor. Namun, terdapat juga pelbagai jenis masakan asam pedas di serata Malaysia dan rata-ratanya berbeza mengikut negeri.

Asam pedas mempunyai variasinya yang disesuaikan dengan cita rasa masing-masing dan cara pembuatan. Dipercayai ia dinamakan asam pedas kerana penggunaan bahan asam dalam sajian itu dan kepedasan rasanya. Asam digunakan untuk mengimbangi rasa pedas daripada cili kering.

Kebiasaannya, menu asam pedas menggunakan bahan utama seperti ikan parang, tenggiri, kembung, pari, merah dan terubuk. Bagaimanapun, terdapat sebahagian kawasan yang jauh dari sumber laut

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | KOSMO | K2 | 21 |





ASAM pedas dari utara Semenanjung Malaysia mempunyai kuah yang sedikit cair berbanding asam pedas di selatan.



ASAM pedas Melaka mempunyai kuah yang berwarna merah.



BAWANG merah, putih dan cili merupakan bahan asas sajian asam pedas.



IKAN kembung antara jenis ikan yang lazim dimasak asam pedas.

menggunakan ayam atau daging.

Bagi bahan-bahan rencahnya pula, ia biasanya menggunakan cili kering, bawang merah, bawang putih, belacan, halia, lengkuas, kunyit hidup, serai, daun kesum, bunga kantan, asam jawa, asam gelugur atau daun limau purut.

### Asam

Berdasarkan ensiklopedia internet *wikipedia*, perbezaan di antara asam pedas dari utara dengan selatan Semenanjung Malaysia ialah penggunaan jenis asamnya. Asam jawa yang pekat lebih biasa digunakan di selatan, manakala asam gelugur atau asam keping lebih lazim di negeri-negeri di utara. Warna kuah asam pedas utara juga agak cair dan sedikit kekuningan.

Nur Azsikin yang menjadi salah seorang tukang masak dalam penciptaan rekod Malaysia itu memberitahu, asam pedas asli Melaka pula berbeza dengan resipi asam pedas Johor.

"Asam pedas Melaka tidak menggunakan bunga kantan dan daun kesum seperti di Johor.

"Asam pedas Melaka menggunakan rencah asas seperti bawang putih, bawang merah, cili kering, serai dan air asam jawa. Istimewanya jika mengikut resipi asli, ia menggunakan belacan serta rempah ratus seperti halba, jintan manis, jintan putih dan ketumbar yang ditumis sehingga naik bau.



IZZETY

"Penggunaan rempah juga berbeza mengikut jenis bahan utamanya yang lazimnya ialah ikan. Antara ikan yang sesuai digunakan dalam resipi asli ialah keli, duri, dan pari," katanya yang berkhidmat dalam sektor kerajaan.

Selain Nur Azsikin, seorang peserta yang merupakan generasi muda, **Izzety Abdul Razaq**, 21, turut menggemari masakan asam pedas, namun dia lebih suka asam pedas nyonya resipi turun-temurun keluarganya.

Dia yang menyertai Q'Fish Asam Pedas Challange bersama ibunya, Maznah Mohd. Jaafar, 54, memberitahu, asam pedas nyonya atau gerang asam nyonya pula tidak jauh berbeza dengan resipi asam pedas biasa, cuma ia menjalani proses memasak yang lama dengan kuah direnih.

"Saya minat memasak sejak kecil dan ibu sentiasa mengajar kami memasak setiap kali di dapur. Ada ketikanya saya suka melakukan improvisasi dalam masakan asam pedas dengan menggunakan resipi berbeza berbanding apa yang dipelajari daripada ibu," katanya yang merupakan pelajar Institut Kemahiran Belia Negara, Alor Gajah, Melaka.

### Menu pelancongan

Meraikan kepelbagaian jenis masakan asam pedas di Malaysia menjadi salah satu faktor pemilihan hidangan itu sebagai subjek untuk mencipta rekod dalam negara oleh Kelab Chef Melaka.

Dalam penciptaan rekod itu, para peserta dikehendaki menggunakan ikan segar beku Q'Fish, produk keluaran LKIM. Sebanyak 130 hidangan asam pedas itu disediakan menerusi enam sesi bermula 9 pagi hingga 6 petang dalam sehari iaitu pada 22 Jun lalu.

**Pengerusi Kelab Chef Melaka, Rizwandy Perin** yang juga merupakan cef profesional memberitahu, penganjurannya bukan sekadar untuk mencipta rekod tetapi mengangkat sajian itu yang merupakan menu popular terutama di selatan tanah air.

"Asam pedas adalah menu yang sering disarankan kepada pelancong terutamanya bagi mereka yang berkunjung ke Melaka atau Johor. Bagaimanapun, sajian ini mempunyai pelbagai versi dan ia ternyata dapat disaksikan menerusi penganjuran cabaran ini.

"Meskipun dianjurkan di Melaka, acara ini membuka peluang kepada orang ramai untuk menyediakan pelbagai jenis asam pedas dari mana-mana resipi di seluruh Malaysia. Saya juga terkejut ada sajian asam pedas yang dihidangkan oleh peserta merupakan asam pedas versi Sabah dan Sarawak," ujarnya.




PARA peserta bergambar dengan sijil penyertaan dan pengiktirafan *Malaysia Book of Records* selepas diumumkan berjaya mencipta rekod sajian terbanyak dalam satu acara.

# Kelebihan ikan segar yang disejuk beku

PENGLIBATAN Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam Q'Fish Asam Pedas Challenge merupakan salah satu pendekatan bagi agensi kerajaan itu berusaha memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kebaikan ikan segar beku.

Ia menjadi platform bagi mendedahkan kepada orang ramai tentang kelebihan ikan segar beku keluaran LKIM itu yang mula dipasarkan sejak 2013 di 99 buah pasar raya terpilih dan pasar nelayan milik persatuan-persatuan nelayan negeri-negeri di seluruh Malaysia.

**Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman** berkata, penggunaan ikan sangat signifikan dengan masakan asam pedas dan penglibatan Q'Fish dilihat relevan kerana ia memiliki seleksi ikan yang sesuai untuk menjadi bahan utama sajian itu.



JAMALUDIN

"Dalam program ini kita menampilkan tiga daripada lapan seleksi ikan sejuk beku Q'Fish iaitu kembung, selar dan cencaru. Seperti kita tahu, masakan asam pedas tidak lengkap tanpa penggunaan ikan segar dan Q'Fish amat relevan kerana konsep kami adalah membekalkan ikan segar yang disejuk beku.

"Program seumpama ini juga merupakan platform untuk memaklumkan kepada orang ramai terutama rakyat B40 yang berpendapatan RM4,000 ke bawah bahawa ikan segar beku adalah alternatif sebagai bekalan makanan basah," katanya ketika ditemui *K2* di KIPMall Melaka baru-baru ini.

Jelasnya, ikan Q'Fish disimpan pada suhu negatif 18 darjah Celsius dan dibekukan secara berasingan untuk mengekalkan kesegaran.

"Harga siling ikan segar beku Q'Fish seperti ikan kembung di pasaran ialah RM10 sekilogram, namun bagi ikan basah pada waktu tertentu terutama musim tengkujuh pernah mencecah RM16 hingga RM18 sekilogram, malah lebih daripada itu.

"Jadi sebagai alternatif, gunalah ikan segar beku Q-Fish yang harganya jauh lebih rendah dan kualitinya terjamin sebagai mana ikan segar lain," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Kolam ternakan udang ancam sungai

BALIK PULAU – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendedahkan kegiatan penyaluran sisa buangan dari sebuah kolam penternakan udang ke dalam sungai Kuala Sungai Pinang di sini sehingga menyebabkan aliran sungai menjadi semakin cetek.

Pemangku Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, masalah itu telah dikesan berlaku sejak lebih 10 tahun lalu yang dibimbangi boleh mencemarkan alam sekitar dan menyebabkan kejadian banjir kilat jika tidak ditangani segera.

"Dalam tinjauan yang dilakukan, kita mendapati selain berlaku mendapan lumpur yang menyebabkan saliran sepanjang lebih kurang 1 kilometer tertimbus, sisa buangan dari kolam ternakan udang itu juga mengalir ke dalam laut.

"CAP berasa bimbang kemungkinan sisa buangan berwarna putih dan berbuih itu mengandungi bahan yang boleh meracuni serta mengancam hidupan laut termasuk mencemarkan alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan semalam.



INILAH sisa kolam ternakan udang dibuang ke dalam saliran di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau baru-baru ini.

Beliau menambah, pihaknya mendapati berpuluh-puluh hektar hutan bakau yang menjadi tempat pembiakan hidupan laut di kawasan itu juga turut dikhuatiri terjejas akibat projek akuakultur tersebut.

"CAP menerima aduan daripada nelayan yang mendakwa bahawa hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan siput telah berkurangan dan sedang diancam kepupusan.

"Rumah-rumah penduduk berhampiran projek ternakan udang itu juga berkemungkinan diancam banjir kilat kerana sistem saliran tidak berfungsi berikutan pengaliran air tersekat," katanya lagi.

Mohideen berkata, pihaknya menggesa pihak berkaitan supaya menyelesaikan isu itu dengan segera kerana dikhuatiri memberi kesan buruk kepada lebih 200 nelayan pantai di kawasan terbabit.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry of Domestic Trade and Consumers Affair investigates price hike for live pig | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 04 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 260 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,129 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,386 |



# 貿消部調查生豬價

## 被指半年暴漲40%

（吉隆坡3日讯）国内贸易及消费人事务部副部长张健仁说，该部将援引价格控制与反暴利法令和2010年竞争法令，介入调查国内生猪肉价格，被指在半年内暴涨40%的指控是否属实，并确认其中是否出现串谋操控市场价格的活动。

"我的第一个步骤是和农业与农基工业接洽，接著会派官员和养猪业接洽，跟进和调查生猪价格被指不断涨价课题，确认其中有否违反反暴利法令、猪农业者是否有坐地起价的嫌疑。"




■张健仁（右）陪同李炳福召开记者会，讲述生猪价格被指在半年内暴涨40%课题。

张健仁今日在国会接获雪隆屠业行的投诉后，在国会走廊召开记者会指出，调查预计耗时2至3个月。

出席者有民主行动党甲洞区国会议员林立迎和雪隆屠业行主席李炳福等。

张健仁说，价格浮动通常是受市场供应需求驱使，贸消部不会介入管制，但如果有关浮动太大造成有暴利嫌疑，该部就会采取行动，而首个步骤便是致函传召业者调查起价的理由。

李炳福说，猪农供应生猪并制定售价，屠业行再屠宰猪只後批发或零售给消费者。

他说，由于近期外国发生猪瘟，进口猪肉相对减少许多，促使国内猪农趁机调高生猪价格，而生猪价格从今年1月的每公斤5令吉80仙，截至6月已调涨至8令吉60仙。

"我们也收到通知，据说生猪在7月或会再涨价。"

询及影响生猪价格的最主要因素，他认为政府应开放更多养猪执照给猪农，以增加产量解决供应问题，继而稳定生猪价格。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry of Domestic Trade and Consumers affair investigates price hike for live pigs | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 04 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A8 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 227 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,981 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,943 |



## 1月至6月我国生猪肉价格

| 日期 | 每公斤 | 日期 | 每公斤 |
|---|---|---|---|
| 1月23日 | 5令吉80仙 | 5月19日 | 7令吉60仙 |
| 2月24日 | 6令吉40仙 | 6月9日 | 8令吉20仙 |
| 4月21日 | 7令吉 | 6月23日 | 8令吉60仙 |

# 贸消部查生猪价格暴涨

**吉隆坡3日讯｜**针对国内生猪价格近半年内暴涨约40%一事，国内贸易及消费人事务副部长张健仁表示，该部将会展开调查。

他说，该部将援引反暴利法令和竞争委员会法令调查此事，一旦业者被发现涉及暴利或有串谋操控市场价格的违法行为，将在上述两个法令下被对付。

他补充，调查工作需要2至3个月内完成。张健仁周三在国会会见雪隆屠业行代表后召开记者会时，如是表示。

他指出，该部也会与农业部负责管理养猪业的部门接洽了解详情。

另一方面，雪隆屠业行主席李炳福申诉，生猪批发价过去数个月屡次调涨，导致雪隆屠业行、猪肉贩和消费者大感吃不消！

他说，进口猪肉量减少，国内生猪肉需求增加，使得业者趁机因为市场需要，而不断调涨生猪肉价格，甚至是每两个星期就调涨价格。

因此，他呼吁政府关注此问题并分发更多的养猪执照予养殖业者。

Powered by: isentia

| Headline | Chong : Price of raw pig surges 40 per cent | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 04 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 110 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,313 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,939 |



## 張健仁：生豬價飆40%

# 援反暴利競爭法調查

（吉隆坡3日讯）针对生猪肉价格在近半年调涨约40%的风波，国内贸易及消费事务部副部长张健仁表示，该部将援引反暴利法令和竞争法令去调查这指控是否属实、商家是否涉及暴利和串谋操控市场价格。

他在国会接见雪隆屠业行主席李炳福及代表后，在新闻发布会上表示，除了遣派该部的官员展开调查外，他也会和农业部管理养猪行业的部门接洽。

“同一个行业，如果几家业者私底下商量要操控市价的话，这属于违反竞争法令，我们会展开调查看其中是否涉及串谋操控价格。”

张健仁补充，一般上贸消部不会插手管制物品价格的浮动，但如果价格浮动过大，导致有暴利的嫌疑，该部就会采取行动，包括致函给相关业者要求解释。

李炳福说，拜访张健仁的目的是为了要求贸消部给予他们关注，因为近期爆发的猪瘟导致生猪肉的进口量减少，而国内的供应来源则趁机调高价格，让业者及消费者吃不消。

他认为，国内的养猪业有待提升，政府应该发放更多执照让有兴趣的人士从事养猪业，进而稳定猪肉市场，同时也可减少我国对猪肉进口的依赖。

Powered by: isentia

| Headline | Body of a policeman who drowned found | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Makkal Osai | | |
| Date | 04 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 28,000 |
| Page No | 5 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 142 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 929 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,788 |



# மகனைக் காப்பாற்ற ஆற்றில் குதித்த போலீஸ்காரரின் உடல் மீட்கப்பட்டது

மூவார், ஜூலை 4—

ஆற்றில் விழுந்த தன் மகனைக் காப்பாற்ற மூவார் ஆற்றில் குதித்த போலீஸ்காரர் ஒருவரின் சடலம் நேற்று காலையில் மீட்கப் பட்டது.

மூவார், தஞ்சோங் அரண்மனைக்கு அருகில் உள்ள படகுத் துறைக்கு அருகில் கடந்த திங்கட்கிழமை இரவு 7 மணியளவில் அந்தச் சம்பவம் நிகழ்ந்தது.

லான்ஸ் கார்ப்பரல் முகமட் ஃபைருஸ் முகமட் ஹஷிம் (வயது 36) என்ற அந்தப் போலீஸ்காரரின் உடல் தங்காக், சுங்கை மத்தி என்ற இடத்திலிருக்கும் சுங்கை மத்தி ஆற்றின் மீன்பிடித் துறைக்கு அருகில் நேற்றுக் காலை 7.30 மணியளவில் கண்டெடுக்கப் பட்டது. அவர் மூவார் மாவட்ட காவல்துறைத் தலைமையகத்தில் பணி புரிந்து வந்தார் என்று மூவார் மாவட்ட காவல்துறைத் தலை வர் ஸஹாருடின் ரசிப் தெரிவித்தார். காலை 8.45 மணியளவில் அவரது உடல் ஆற்றிலிருந்து மேலே கொண்டு வரப்பட்டது.

ஆற்றில் விழுந்ததால் நீரோட்டத்தில் அடித்துச் செல்லப்பட்ட அவரின் 7 வயது மகன் முகமட் ஃபாகி முகமட் ஃபைருஸின் உடல் செவ்வாய்க்கிழமை பிற்பகல் 2.40 மணியளவில் மீட்கப்பட்டது. தஞ்சோங் மாஸ், மரினா பேய்க்கு அருகில் அவனது உடல் கண்டெடுக்கப்பட்டது.

Powered by: isentia